

Habuan p'raya: Ratusan lagi beratur untuk RM250
Malaysiakini.com
November 04, 2010

Barisan panjang kelihatan di bilik operasi BN di Bukit Cekati, Gua Musang, di mana kira-kira 300 orang beratur selepas mengundi.

Kira-kira 12.30 tengah hari tadi, orang ramai kelihatan mendaftar di kaunter sebelum masuk ke dalam sebuah bilik secara bergilir.

Mereka kemudian kelihatan memegang sepucuk sampul coklat.

Semakan mendapati jumlahnya bernilai RM250.

Pengarah Pilihan Raya BN Tengku Razaleigh Hamzah bagaimanapun ketika ditemui pemberita enggan memberikan sebarang komen tentang apa sebenarnya yang berlaku.

Insiden ini adalah yang pertama dilihat berlaku di Galas sepanjang proses pengundian di Galas hari ini.

Bukit Cekati, sebuah kawasan majoriti Melayu terletak bawah pusat pengundian Batu Papan.

Pilihan raya kecil itu menyaksikan pertembungan dua penjuar antara calon PAS Dr Zulkefli Mohamad dan calon BN Abdul Aziz Yusof.

Sementara itu, bercakap kepada pemberita selepas kemenangan calon BN diumumkan sebentar tadi, Tengku Razaleigh kali ini menafikan membayar sejumlah wang kepada pengundi luar.

Sebaliknya, jelas beliau, bayaran tersebut adalah sumbangan kepada sukarelawan yang membantu kempen BN.

"Itu pun selepas mereka menjalankan kerja-kerja mereka. Tak ada (bayar pengundi luar).

"Berapa ribu kita nak bagi duit (untuk bayar kepada semua pengundi luar)?" katanya di rumahnya di Bukit Cekati malam ini.